



PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2024

DARIPADA : **Setiausaha Kerajaan Sarawak** KEPADA : **Semua Setiausaha Tetap Kementerian Semua Ketua Jabatan Sarawak Semua Residen Bahagian Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/Perbandaran/ Daerah**

SALINAN :
KEPADAA

PERKARA : **ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2023 GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL: PENUBUHAN JAWATANKUASA TATAKELOLA DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN**

RUJUKAN : **JPS/UNIONS/100-1/1/5 JLD.1 (7)** TARikh: 26 MAC 2024

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa:

- 1.1 Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk menerima arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan dengan penyesuaian pelaksanaannya diperingkat Negeri Sarawak;
- 1.2 memaklumkan keputusan Kerajaan Sarawak untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Negeri Sarawak (JTK-SARAWAK), Peringkat Kementerian (JTK-KEMENTERIAN), Pentadbiran Bahagian (JTK-BAHAGIAN) dan Jabatan (JTK-JABATAN); dan
- 1.3 menerangkan secara terperinci mengenai terma rujukan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Tatakelola tersebut yang merangkumi perkara seperti berikut:

- a. Keanggotaan;
- b. Peranan dan tanggungjawab;
- c. Pelaporan Isu;
- d. Jadual Mesyuarat; dan
- e. Format Laporan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah diperkenalkan sejak tahun 1998 dengan penubuhan beberapa jawatankuasa di pelbagai peringkat termasuk Jawatankuasa Kabinet. Jawatankuasa ini berperanan dalam usaha pencegahan dan pembanterasan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan konflik kepentingan melalui pembangunan dan penambahbaikan dasar dan perundangan, sistem dan prosedur kerja, pengukuhan nilai-nilai murni dan etika serta memperkemas mekanisme kawalan dalaman.
- 2.2 Tatakelola baik melalui prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan keberkesanannya merupakan agenda utama Kerajaan bagi memastikan pentadbiran Kerajaan yang cekap, berdisiplin dan berintegriti tinggi.
- 2.3 Pada 6 Julai 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 Bil. 1 Tahun 2023 telah bersetuju supaya peranan JKKMAR diperkasa dan dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN). JKKTN akan menjadi platform pengamalan prinsip tatakelola yang diambil kira dalam perancangan dan pembangunan dasar serta pelaksanaan inisiatif/program oleh semua agensi di sektor awam. JKKTN juga akan diperkasa untuk meneliti isu-isu kelemahan tatakelola melibatkan badan berkanun, subsidiari dan entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan.
- 2.4 Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan telah ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Disember 2023. Dengan adanya Arahan terbaru ini, kesemua tindakan yang sebelum ini dilaksanakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 2018-Pemantapan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia terbatal.

- 2.5 Berikut dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional, Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan, Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi di Peringkat Persekutuan akan digantikan dengan Jawatankuasa Tatakelola (JTK).
- 2.6 Meskipun begitu, siri Arahan seperti berikut masih berkuatkuasa:
- (a) **Siri 2 No. 1 Tahun 2000 bertarikh 20 April 2000**
Gerakan Pemantapan Sistem Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan dan Program Nilai Murni;
 - (b) **Siri 5 No. 4 Tahun 2000 bertarikh 15 Disember 2000**
Tindakan Susulan Yang Perlu Diambil oleh YB Menteri berhubung Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Siri 35 Bil. 3 Tahun 2000 Yang Telah Dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;
 - (c) **Siri No. 1 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011**
Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah ;
 - (d) **Siri No. 1 Tahun 2018 bertarikh 5 Oktober 2018**
Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di Bawah Kerajaan Negeri;
 - (e) **Siri 2 No. 1 Tahun 2019 bertaikh 29 Mac 2019**
Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional; dan
 - (f) **Siri 3 No.1 Tahun 2021 bertarikh 24 Mac 2021**
Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam.
- 2.7 Menurut Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023, terdapat lima (5) peringkat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) iaitu:
- (a) Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN);
 - (b) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional;
 - (c) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian;

- (d) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri; dan
 - (e) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Jabatan / Agensi Persekutuan.
- 2.8 Sebagai komitmen serta sokongan padu terhadap usaha membudayakan integriti serta membanteras rasuah di semua peringkat, Kerajaan Sarawak telah membuat keputusan untuk menubuhkan tambahan Jawatankuasa Tatakelola seperti berikut:
- (a) Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Kementerian, Sarawak;
 - (b) Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Bahagian, Sarawak; dan
 - (c) Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Jabatan, Sarawak.

3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 3.1 Komitmen daripada ketua-ketua jabatan serta pengurusan tertinggi peringkat Kerajaan Sarawak, kementerian, jabatan dan pentadbiran bahagian adalah menjadi teras utama dan penentu kepada kejayaan dalam usaha gerakan pemantapan tatakelola nasional yang komprehensif, sistematik dan menyeluruh.
- 3.2 Ketua Jabatan hendaklah menerajui serta menyokong setiap usaha organisasi untuk meningkatkan amalan tatakelola baik melalui pelaksanaan terma rujukan yang ditetapkan dalam Arahan ini. Antaranya adalah seperti berikut:
- (a) memastikan hasil daripada laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dalaman, usaha penambahbaikan tatakelola serta prestasi pelaksanaannya dilaporkan di Mesyuarat JTK peringkat organisasi masing-masing; dan
 - (b) mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan JTK atau isu dan kelemahan tatakelola yang bersifat generik atau berulang berserta cadangan penambahbaikan kepada urus setia JTK Peringkat Negeri (JTK-SARAWAK) sebelum diangkat ke JTK Peringkat Nasional.

4.0

TERMA RUJUKAN

4.1 Terma rujukan bagi JTK Peringkat Negeri, Peringkat Kementerian, Peringkat Bahagian dan Peringkat Jabatan di Sarawak adalah berdasarkan empat (4) terma rujukan seperti mana Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 iaitu:

(a) **Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang**

Mengenal pasti, mengkaji, memperkemas serta memperaku pindaan-pindaan yang diperlukan ke atas dasar, undang-undang dan peraturan kementerian, Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi Kerajaan yang mempunyai kelemahan dan/atau memerlukan penambahbaikan tatakelola termasuk pengukuhan institusi.

Huraian:

Pertimbangan dan perakuan yang dibuat perlulah berlandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) meningkatkan kebertanggungjawaban;
- (ii) ketelusan;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) mengurangkan risiko konflik kepentingan;
- (v) menjimatkan sumber;
- (vi) peruntukan undang-undang yang mencukupi; dan
- (vii) mengurangkan kerentak birokrasi.

(b) **Sistem dan Prosedur Kerja**

- (i) Mengenal pasti, mengkaji serta memperaku apa-apa kelemahan atau perubahan terhadap sistem dan prosedur kerja sesuatu aktiviti di kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi Kerajaan melalui penilaian risiko yang dilaksanakan secara berkala. Ini bertujuan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan organisasi; dan
- (ii) Perakuan yang dibuat juga hendaklah dapat mencegah serta menutup ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Huraian:

Prinsip-prinsip yang diambil kira dalam merangka semula sistem dan prosedur kerja adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai kaedah semakan dan kawalan sistem;
- (ii) mengurangkan penompokan kuasa selaras dengan undang-undang sedia ada;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) sistem dan prosedur yang ringkas dan telus; dan
- (v) penggunaan teknologi maklumat dan pendigitalan, iaitu dengan menerapkan ciri-ciri prinsip ketelusan sistem aplikasi dan perkhidmatan digital.

(c) Pemantauan dan Penilaian

- (i) Memantau dan menganalisis laporan-laporan berkaitan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan/atau peraturan bagi tujuan pengukuhan kawalan dalaman;
- (ii) Menilai keupayaan dan keberkesanan pelaksanaan suatu undang-undang dan peraturan, kaedah kawalan dalaman serta kaedah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan; dan
- (iii) Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan.

Huraian:

Pemantauan dan penilaian hendaklah dibuat berdasarkan kepada laporan-laporan yang perlu dikemukakan kepada JTK peringkat yang lebih tinggi, antaranya seperti berikut:

- (i) laporan isu-isu/statistik kes-kes tata tertib berhubung dengan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (ii) laporan terpilih berkenaan kes-kes daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan Laporan Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak;

- (iii) laporan statistik kes rasuah melibatkan pegawai badan awam;
 - (iv) laporan berkenaan pengurusan Badan Berkanun Negeri;
 - (v) laporan daripada Unit Integriti (UI) kementerian / Kerajaan Negeri / jabatan / agensi / badan berkanun; dan
 - (vi) laporan-laporan lain yang berkaitan.
- (d) **Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik**
- (i) Mengkaji dan menilai keberkesanan mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam;
 - (ii) Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola baik yang merangkumi pengurusan organisasi dan pembangunan insan bagi menjadikan amalan nilai sebagai budaya kerja perkhidmatan awam; dan
 - (iii) Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan latihan dan komunikasi strategik bagi mempromosi usaha-usaha Kerajaan berhubung pemantapan tatakelola perkhidmatan awam.

Huraian:

Kajian dan penilaian mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Negeri (JTK-SARAWAK) dan seterusnya dikemukakan ke Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional.

5.0 STRUKTUR DAN MEKANISME

- 5.1 Bagi membantu struktur dan mekanisme pelaksanaan Gerakan Pemanfaatan Tatakelola Nasional dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan di semua peringkat, Kerajaan Sarawak telah menubuhkan JTK Kementerian, JTK Bahagian dan JTK Jabatan Negeri. Oleh yang demikian, semua Setiausaha Tetap, Residen Bahagian dan Ketua-Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Tatakelola peringkat masing-masing. Struktur Aliran Pelaksanaan JTK ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- 5.2 Ketiga-tiga jawatankuasa ini hendaklah melaporkan isu/perkara berbangkit kepada urus setia JTK-SARAWAK iaitu Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Jabatan Premier Sarawak untuk dinilai dan disemak oleh **Pasukan Khas Panel Isu JTK** sebelum ianya dibentangkan kepada JTK-SARAWAK. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan mengikut format yang telah ditetapkan menggunakan Laporan Maklum Balas Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri (JTK-SARAWAK) seperti di **LAMPIRAN B**.

6.0 KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JTK PERINGKAT NEGERI (JTK-SARAWAK)

6.1 Keanggotaan

- Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Sarawak
Pengerusi Ganti : Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak
(ditentukan oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak)
Setiausaha : Pengarah UNIONS
Urus Setia : UNIONS

Ahli-ahli:

- (a) Peguam Besar Negeri Sarawak
- (b) Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
- (c) Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak
- (d) Semua Setiausaha Tetap Kementerian
- (e) Pengarah SPRM Negeri Sarawak
- (f) Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak
- (g) Semua Residen Bahagian
- (h) Pengarah, Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- (i) Pengarah, Unit Pentadbiran
- (j) Pengarah, Unit Audit Dalam
- (k) Pengarah, Unit Komunikasi Awam Sarawak
- (l) Pengarah, Jabatan Hutan Sarawak
- (m) Pengarah, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
- (n) Pengarah, Jabatan Kerja Raya Sarawak
- (o) Pengarah, Jabatan Pertanian Sarawak
- (p) Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
- (q) Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
- (r) Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
- (s) Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
- (t) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

6.2 Kekerapan Mesyuarat JTK-SARAWAK

Mesyuarat JTK-SARAWAK perlu diadakan tiga (3) kali setahun.

6.3 Peranan dan Tanggungjawab JTK-SARAWAK

- (a) Menyarankan dan memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK-SARAWAK bagi pelaksanaan di peringkat Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Bahagian, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan agensi di bawah Kerajaan Negeri;
- (b) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan;
- (c) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK Peringkat Nasional; dan
- (d) Membincangkan isu-isu tadbir urus sebagaimana dilaporkan semasa Mesyuarat Khas Kabinet (CABCOM) Mengenai Laporan Penyata Kewangan Tahunan dan Anggaran Belanjawan Tahunan bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

7.0 KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT KEMENTERIAN (JTK-KEMENTERIAN)

7.1 Keanggotaan

Pengerusi	:	Setiausaha Tetap Kementerian
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian
Setiausaha	:	Ketua Unit Integriti / Pegawai Integriti
Urus Setia	:	Unit Integriti Kementerian

Ahli-ahli:

- (a) Ketua Jabatan/Agenzi/Badan Berkanun di bawah Kementerian
- (b) Semua Ketua Bahagian Kementerian
- (c) Penasihat/Pegawai Undang-undang (jika ada)
- (d) Pegawai Audit Dalam (jika ada)
- (e) Pegawai Komunikasi Korporat (jika ada)
- (f) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

7.2 Kekerapan Mesyuarat JTK-KEMENTERIAN

Mesyuarat JTK-KEMENTERIAN perlu diadakan tiga kali setahun.

7.3 Peranan dan Tanggungjawab JTK-KEMENTERIAN

- (a) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK-SARAWAK di peringkat kementerian termasuk jabatan/agensi/badan berkanun di bawah Kementerian;
- (b) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (c) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK-SARAWAK.

8.0 KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT JABATAN/AGENSI (JTK-JABATAN)

8.1 Keanggotaan

Pengerusi	:	Ketua Jabatan/Agensi
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Ketua Jabatan/Agensi
Setiausaha	:	Ketua Unit Integriti / Pegawai Integriti
Urus Setia	:	Unit Integriti Jabatan/Agensi

Ahli-ahli:

- (a) Pengarah atau Ketua setiap bahagian dalam jabatan/agensi
- (b) Penasihat/Pegawai Undang-undang (jika ada)
- (c) Pegawai Audit Dalam (jika ada)
- (d) Pegawai Komunikasi Korporat (jika ada)
- (e) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

8.2 Kekerapan Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi

Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi perlu diadakan tiga (3) kali setahun.

8.3 Peranan dan Tanggungjawab Jabatan/Agensi

- (a) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK-SARAWAK/JTK-KEMENTERIAN bagi pelaksanaannya di peringkat jabatan/agensi;

- (b) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (c) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK-SARAWAK/JTK-KEMENTERIAN.

9.0 KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT PENTADBIRAN BAHAGIAN (JTK-BAHAGIAN)

9.1 Keanggotaan

Pengerusi	:	Residen Bahagian
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Residen Bahagian
Setiausaha	:	Ketua Unit Integriti / Pegawai Integriti
Urus Setia	:	Unit Integriti Residen Bahagian

Ahli-ahli:

- (a) Pegawai Daerah
- (b) Ketua-Ketua Seksyen
- (c) Pegawai Audit Dalam (jika ada)
- (d) Pegawai Komunikasi Korporat (jika ada)
- (e) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

*Nota: Untuk Jabatan/Agenzi Negeri di Bahagian dan Daerah hendaklah melaporkan kepada JTK-KEMENTERIAN masing-masing.

9.2 Kekerapan Mesyuarat JTK-BAHAGIAN

Mesyuarat JTK-BAHAGIAN perlu diadakan tiga (3) kali setahun.

9.3 Peranan dan Tanggungjawab Residen Bahagian

- (a) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK-SARAWAK bagi pelaksanaannya di peringkat Pentadbiran Bahagian;
- (b) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (c) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK-SARAWAK.

10.0 LAPORAN MAKLUM BALAS JAWATANKUASA TATAKELOLA

10.1 Semua Pengerusi JTK dan Ketua Jabatan dikehendaki mengadakan mesyuarat seperti mana yang telah dinyatakan didalam kekerapan mesyuarat JTK masing-masing dan melaporkan isu serta status tindakan berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan kepada JTK di peringkat yang lebih tinggi dengan mekanisme pelaporan dan pemantauan seperti berikut:

(a) **Peringkat Kerajaan Negeri (JTK-SARAWAK)**

(i) JTK-SARAWAK dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas setiap empat (4) bulan sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan April, Ogos dan November kepada urus setia JTK Peringkat Nasional.

(b) **Peringkat Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Bahagian**

(i) JTK-KEMENTERIAN/ JTK-JABATAN/ JTK-BAHAGIAN dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas setiap empat (4) bulan sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan Mac, Julai dan Oktober kepada urus setia JTK-SARAWAK

11.0 PASUKAN KHAS PANEL ISU JTK

Pasukan Khas Panel Isu JTK ditubuhkan untuk menyemak, mengkaji serta menentukan isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan maklum balas sebelum dibincangkan dalam mesyuarat JTK-SARAWAK.

12.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2024 ini, **Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2019: Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 dan Penubuhan serta Terma Rujukan Jawatankuasa Anti-Rasuah Kementerian, Bahagian Dan Jabatan Di Negeri Sarawak** adalah dibatalkan.

13.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini dikuatkuasakan untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

14.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.


"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak

LAMPIRAN A

STRUKTUR ALIRAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA TATAKELOLA(JTK)



LAMPIRAN B

**LAPORAN MAKLUM BALAS
JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT NEGERI (JTK-SARAWAK)**

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI/ PENTADBIRAN BAHAGIAN: Jabatan ABC			
Bahagian I: (sekiranya terdapat isu tatakelola yang generik/berulang/merentasi pelbagai sektor yang perlu diberikan perhatian)			
BIL.	ISU/ PERKARA BERBANGKIT	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA/CADANGAN PENYELESAIAN TATAKELOLA	STATUS TINDAKAN
1.			

Bahagian II: (bagi perkongsian amalan terbaik berhubung penambahbaikan tatakelola yang dilaksanakan)			
BIL.	USAHA PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA YANG TELAH DILAKSANAKAN	ISU YANG TELAH DISELESAIKAN	MANFAAT/ KEBERHASILAN
1.			